

09 SEP 1998

Mohamed-Media

MEDIA ASING BERUSAHA MENJATUHKAN KERAJAAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata, beliau mengesyaki media asing berkomplot untuk menjatuhkan kerajaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan mengembar-gemburkan isu pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti.

Semasa menjawab soalan wakil-wakil media massa asing selepas merasmikan Pusat Akhbar Utama Sukan Komanwel ke 16 di sini, petang tadi, Mohamed berkata media asing nampaknya mempunyai agenda politik untuk memaksa reformasi di Malaysia bagi mengulingkan kerajaan pimpinan Dr Mahathir.

"Jika mereka berpendapat Anwar tidak bersalah, maka biar rakyat yang menentukannya. Tetapi hari ini Anwar berada di luar kerajaan dan parti, dan beliau meluahkan rasa tidak puas hatinya ke merata dunia menggunakan media asing," katanya.

Mohamed berkata media asing boleh dengar luahan hati Anwar tetapi beliau yakin rakyat Malaysia tidak mudah terpedaya.

Media asing berat sebelah dalam laporan-laporannya mengenai perkembangan terbaru dalam politik negara ini kerana mereka hanya memihak kepada sesiapa yang membangkang kerajaan.

"Jika anda hanya bertanya kepada mereka yang membantah kerajaan sahaja maka apa yang mereka kata itu tidak membayangkan pendapat majoriti. Majoriti penduduk negara ini menyokong kerajaan walaupun ada yang mungkin tidak menyokong tindakan kerajaan," katanya.

Mohamad yang juga ditanya mengenai kebebasan akhbar tempatan di negara ini berkata, kerajaan tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap media tempatan kecuali dalam perkara-perkara yang menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

"Media tempatan boleh mengutuk apa sahaja, saya sendiri pernah dikutuk kerana menyuarakan apa yang saya berpendapat adalah betul," katanya.

Kerajaan percaya akan kebebasan akhbar selagi ia mewakili pendapat rakyat, bertanggungjawab dan adil dalam laporannya.

"Kita tidak menghalang kemasukan wartawan asing ke negara ini untuk menjalankan tugas mereka. Kita membantu mereka, tetapi pada waktu yang sama, kita berharap mereka lebih objektif dan bertanggungjawab ..."

"Bagaimana anda boleh mengutuk kami setiap masa bagaikan tiada apa yang baik kita lakukan untuk negara ini," kata Mohamad.

"Anwar sendiri belum dituduh di mahkamah, tetapi media asing memberikan gambaran bagaikan Anwar telah dihukum kerana adanya agenda politik tertentu," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

YBK PR